

Jurnal berkenaan menekankan aspek integriti, tadbir urus dan etika

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Yayasan Pahang (YP) menjalinkan kerjasama menerbitkan tiga jurnal berkualiti untuk dimanfaatkan kedua-dua pihak terutamanya dalam urusan pemantapan amalan tadbir urus, integriti dan etika.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, jurnal hasil kerjasama strategik itu menekankan aspek integriti dan urus tadbir yang dilaksanakan bersama YP selama tiga tahun.

"Kerjasama ini membawa kepada perubahan Pusat Tadbir Urus dan Integriti (FGIC) di Pakulti Pengurusan Industri sejak 2016 yang juga hasil dukungan strategik dengan YP.

"Tiga tahun kebelakangan ini kita dapat melihat agenda jaringan UMP bersama Yayasan Pahang begitu aktif berjalan.

"Jurnal ini dapat bermanfaat kepada dua-dua pihak terutamanya dalam memantapkan lagi aspek integriti di agensi masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UMP dan Kolej Yayasan Pahang (KYP) dan Majlis Pelancaran Bahan Penerbitan Bersama di UMP Kampus Pekan di sini, baru-baru ini.



Dr Daing Nasir (kiri) pada majlis pelancaran jurnal hasil kerjasama dengan Yayasan Pahang di Kampus UMP, Pekan.

Kolaborasi UMP-YP terbitkan 3 jurnal

Turut hadir, Pengarah Urusan, KYP, Datuk Norhishamuddin Yaacob dan Pengerusi Penasihat Akademik KYP, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin.

Dalam pada itu, menurutnya, UMP turut memeterai kerjasama dengan KYP dalam tujuh skop meliputi kerjasama akademik, pertukaran staf, pengajian pascasiswazah, penganjuran persidangan, pembangunan bakat, kemajuan pelajar dan penyelidikan bersama.

"Saya melihat bahawa daripada

kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua institusi pendidikan tinggi tetapi juga mampu membantu KYP mencapai taraf kolej universiti tidak lama lagi.

"Dengan pengalaman strategik dan kepakaran bakat yang dimiliki UMP, kita sentiasa terbuka dan bersedia untuk menyumbang khidmat profesional dan aspek operasi kepada KYP berdasarkan evolusi yang ditempuh universiti ini sejak 2002 lagi," katanya.

Info

Jurnal hasil kerjasama strategik itu menekankan aspek integriti dan urus tadbir yang dilaksanakan bersama YP selama tiga tahun

Daing Nasir berkata, pihaknya berharap kerjasama itu tidak semata-mata terbatas kepada tujuh skop berkenaan sahaja tetapi lebih fleksibel bagi membolehkan UMP dan KYP meneroka aspek lebih besar pada masa akan datang.